

PENDEKATAN KAEDAH KONSTRUKTIVISME DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH RENDAH

Zaidatul Akmar Zahari
*Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam),
Universiti Kebangsaan Malaysia
alqamar8787@gmail.com*

Khadijah Abdul Razak, Ph.D
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meninjau pelaksanaan kaedah konstruktivisme yang akan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah Rendah Daerah Padawan, Kuching. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti minat murid di peringkat sekolah rendah terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendekatan kaedah konstruktivisme dalam PdP bagi meningkatkan tahap prestasi dan pembentukan sahsiah murid. Responden kajian terdiri daripada 70 orang murid yang mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Tan Sri Datuk Haji Mohamed, Kuching, Sarawak. Borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian. Soal selidik yang diberikan secara atas talian melalui *Google form* dan diukur menggunakan skala Likert lima iaitu ‘sangat tidak setuju’, ‘tidak setuju’, ‘kurang setuju’, ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’. Data kajian akan dianalisis menggunakan *Statistic Packages for the Social Sciences (SPSS)*. Di akhir kajian, pengkaji akan melihat hasil dapatan analisis data kajian deskriptif bagi mencapai objektif serta tujuan kajian secara keseluruhannya.

Kata Kunci : Kaedah Konstruktivisme, Pengajaran dan Pembelajaran, Pendidikan Islam, Sekolah Rendah, Minat.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the implementation of constructivism methods that will be applied in the teaching and learning of Islamic education subjects in Padawan District Primary School, Kuching. The respondents of the study consisted of 70 students studying Islamic education subjects at Sekolah Kebangsaan Tan Sri Datuk Haji Mohamed, Kuching, Sarawak. Questionnaire forms were distributed to study respondents. Questionnaires were given online through *Google form* and measured using the Likert scale of five, namely ‘strongly disagree’, ‘disagree’, ‘disagree’, ‘agree’ and ‘strongly agree’. Study data will be analyzed using *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)*. At the end of the study, the researcher will see the results of descriptive research data analysis to achieve the objectives and objectives of the study as a whole.

Keywords: Methods of Constructivism, Teaching and Learning, Islamic Education, Primary Schools, Interests.

PENGENALAN

Pendidikan Islam adalah penting untuk memastikan murid mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa supaya mereka tidak menyimpang dari asas-asas nilai-nilai etika dan rohani. (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Di samping itu, banyak perubahan dan penambahbaikan telah dilakukan untuk meningkatkan keberkesanan dan prestasi murid dalam pendidikan Islam. Oleh itu, guru memainkan peranan utama untuk mendidik murid dengan menggunakan kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai dengan peredaran zaman serta perkembangan kognitif murid.

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan. Menurut Noor Azizah Ahmad (2006), untuk memastikan pengajaran yang dirancang tercapai objektifnya, guru harus bijak dalam mengembangkan strategi pengajaran mereka dengan memilih dan menggunakan kaedah yang sesuai untuk membantu murid dan diri mereka sendiri. Di antara kaedah yang boleh diaplikasikan ialah dengan kaedah konstruktivisme, pendekatan kaedah ini merupakan salah satu teori pengajaran dan pembelajaran yang akan digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini, bagi mengetahui tahap keberkesananannya dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Pendekatan kaedah konstruktivisme ini memainkan peranan yang penting dalam PdP pendidikan Islam bermula dari peringkat sekolah rendah lagi. Guru haruslah mengambil kira struktur kognitif murid bagi membantu mereka membina konsep atau pengetahuan baru. Kaedah ini merupakan satu proses pembelajaran yang menjelaskan bagaimana pengetahuan disusun dalam minda murid. Selain itu, ilmu pengetahuan yang diperolehi akan dikembangkan secara aktif oleh pelajar itu sendiri dan tidak diterima secara pasif oleh persekitaran (Zainal Abidin Zainudin dan Afrinaleni Suardi, 2009). Jelas menunjukkan bahawa pembelajaran adalah hasil daripada usaha murid itu sendiri dan bukan diterima sepenuhnya daripada guru semata-mata.

PENYATAAN MASALAH

Menjadi keutamaan untuk mempelbagaikan amalan dan pendekatan pengajaran kreatif seperti kaedah dan strategi yang menarik dan berkesan yang akan dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam, selaras dengan perkembangan semasa untuk memenuhi objektif pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah konstruktivisme. Namun, kejayaan sebilangan guru tidak begitu besar, bukan kerana infrastruktur yang sempurna tetapi kemampuan untuk menggabungkan teknologi dengan tujuan dapat meningkatkan pembelajaran, minat, sahsiah dan jati diri murid.

Menurut Jamaludin Zainal dan Adam Jait (2016) ramai murid dapat memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang tetapi tidak dari sudut kerohanian, atau sifat sendiri dan penghayatan pengetahuan dalam kehidupan. Ini jelas menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam (GPI) adalah pembimbing utama dalam menerapkan konsep sendiri yang bersifat kreatif bagi menyemai minat murid dalam PdP, dengan menggunakan kaedah yang dapat membantu murid memperoleh pengetahuan, kemahiran berfikir, mengubah tingkah laku dan minat (Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abd Razak, 2017). Justeru, guru perlu mempunyai kefahaman serta menggunakan kaedah dan teknik amalan pengajaran yang sesuai di samping bijak

untuk menguasai kaedah-kaedah pengajaran abad ke 21 (PAK 21) yang berkaitan dengan situasi dan persekitaran hidup mereka supaya dapat menarik minat murid untuk belajar Pendidikan Islam.

Namun, kualiti dan kemampuan guru tetap dipertikaikan oleh masyarakat sekeliling dari sudut menyampaikan PdP seperti yang dianjurkan oleh sistem pendidikan, dengan amalan Pdp secara tradisional (Nor lela Ahmad et al. 2019). Hal ini dapat dibuktikan melalui pelbagai kajian yang berterusan daripada pelbagai institusi dan penyelidikan yang menunjukkan tahap kemahiran guru dalam menerapkan elemen kaedah pembelajaran abad ke-21 semasa pengajaran pendidikan Islam masih boleh dipersoalkan bagi mencapai tahap keberkesanan yang lebih baik dalam amalan pengajaran guru. Menurut kajian Nor Lela Ahmad (2019) lagi, kekurangan kaedah yang terbaik dan sesuai dengan proses pengajaran sesuatu subjek merupakan antara isu kelemahan yang dikesan seperti faktor kurangnya minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam yang menganggap mata pelajaran ini hanya subjek elektif serta kurang menghayati nilai-nilai pembentukan sahsiah diri.

Dalam pembelajaran abad ke-21, guru perlu menyedari akan PdP yang menggunakan literasi medium baharu dan sedia ada dalam menyesuaikan diri dengan semua perubahan yang ada dalam sistem pendidikan terkini (Nor Lela Ahmad et al. 2019). Walau bagaimanapun, kesukaran itu wujud apabila terdapat murid yang kurang berminat untuk menghadiri dan melibatkan diri dalam sesi Pdp mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Oleh yang demikian, minat perlu diasah kerana dari situ akan dilihat pemulihan sikap, pembentukan tanggapan dan apresiasi pembelajaran yang mendalam. Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim (2012) pula merumuskan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menjadikan murid kurang berminat dalam kaedah PdP Pendidikan Islam iaitu, melalui persekitaran ibu bapa, pengaruh guru yang mengajar pendidikan Islam dan kurikulum pendidikan Islam itu sendiri. Sebenarnya, hasil kajian mereka mendapati bahawa guru Pendidikan Islam (GPI) adalah faktor utama masalah ini berlaku.

Sebenarnya, guru menjadi teladan bagi murid baik di sekolah bahkan ketika mereka berhenti sekolah. Guru yang dekat di hati pelajar akan dikenang selama-lamanya. Juhana (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa seorang guru harus berusaha sedaya upaya untuk memberi inspirasi, motivasi dan dorongan kepada murid-muridnya untuk tekun berusaha. Pada hakikatnya setiap pelajar mempunyai keupayaan masing-masing, manakala guru harus memberi mereka peluang untuk berani memberikan pendapat, pandangan dan idea dengan bijak di dalam kelas. Namun, terdapat juga segelintir murid yang takut untuk mencuba sesuatu yang baharu, kurang percaya diri, berasa malu, mudah panik dan rendah diri untuk menonjolkan diri dalam PdP. Walau bagaimanapun, apabila terdapat sokongan yang diterima dari seorang guru sebagai fasilitator di dalam kelas, maka segala perasaan dan sifat tersebut dapat diatasi dengan mudah.

Antara kelemahan lain, menurut Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, dan Mohd Isa Hamzah (2017) kaedah dan cara pengajaran guru di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Hal ini dilihat apabila guru masih lagi menggunakan pendekatan penyampaian maklumat kepada murid secara sehalu sebagai contoh pengajaran yang menggunakan kaedah lama atau mudah iaitu (*chalk and talk*). Guru yang berada pada abad ke-21 kini, telah disarankan supaya menyampaikan ilmu mengikut tahap pemikiran murid. Hal ini kerana, disebabkan kegagalan guru dalam mengenal pasti tahap pemikiran serta pencapaian murid di dalam kelas mengakibatkan

kebolehan dan pengetahuan sedia ada murid akan bertambah kabur dan rumit untuk dikesan serta diperbaiki.

Menerusi kajian ini menunjukkan bahawa, kaedah konstruktivis mempunyai kepentingan dan boleh diaplikasikan dalam PnP untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran pendidikan Islam pada peringkat sekolah rendah. Namun begitu, kajian yang dijalankan hanya menekankan kaedah pengajaran yang digunakan semasa PdP, isu persekitaran pembelajaran serta masalah pembentukan akhlak pelajar sahaja. Penyelidik juga mendapati terdapat banyak kajian yang berkaitan kaedah konstruktivisme ini hanya dijalankan di peringkat sekolah menengah sahaja, manakala di peringkat sekolah rendah masih kurang meluas. Di samping itu, kajian hanya tertumpu kepada mata pelajaran teras dan kurang diberikan penekanan pendekatan konstruktivisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti minat murid di peringkat sekolah rendah terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendekatan kaedah konstruktivisme dalam PnP bagi meningkatkan tahap prestasi dan pembentukan sahsiah murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengetahui minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendekatan kaedah konstruktivisme di peringkat sekolah rendah;
- ii. Mengetahui pelaksanaan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah;
- iii. Mengetahui perbezaan kelas dan jantina murid dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Adakah dengan pendekatan kaedah konstruktivisme dapat menarik minat murid di peringkat sekolah rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam?
- ii. Sejauh manakah keberkesanan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terhadap murid sekolah rendah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan kelas dan jantina murid dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah?

KAJIAN LITERATUR

Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Konstruktivisme menurut McBrien & Brandt (1997) berpendapat bahawa konstruktivisme adalah kaedah pengajaran berpandukan kajian tentang pembelajaran manusia. Sementara Briner, (1999) menyeru agar setiap murid untuk memperkembangkan pengetahuan sendiri dengan meneliti

pendapat, melontarkan idea yang bernas serta memberi pandangan berdasarkan pengetahuan serta pengalaman yang diperoleh. Teori konstruktivisme Brooks & Brooks (1993), bagaimanapun menunjukkan murid dapat belajar tentang dunia dengan menyesuaikan pengetahuan baharu dengan apa yang diperoleh dan difahami. Terdapat teori yang paling masyhur berkaitan dengan konstruktivisme ialah teori perkembangan mental Jean Piaget. Setiap tahap perkembangan intelektual dikaitkan dengan ciri-ciri tertentu dalam pengembangan pengetahuan murid. Contohnya, pada tahap berfikir melalui gerakan atau tindakan (Rusefendi, 1988).

KONSEP PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME.

Dalam konsep pendekatan pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme, murid secara tidak langsung akan memberikan fokus kerana diberi kebebasan mengutarakan pandangan di dalam kelas (Hannafin et al., 2014). Pembelajaran ini juga dikenali sebagai pemusatan pelajar, mendorong pelajar untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka, membentuk intelektual mereka sendiri, serta guru berfungsi sebagai fasilitator dalam proses PdP sehingga murid cekap dan produktif dalam pelajaran tersebut (Lee & Hannafin, 2017; Dagar & Yadav, 2016). Kaedah konstruktivisme dalam PdP adalah untuk menghasilkan murid yang dapat membentuk pemahaman dan kemahiran berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang mereka ada (Abdul Jalil dan Bahtiar, 2005). Manakala menurut Azizi Yahaya dan Jaafar Sidek Latif (2005), kaedah ini harus diaplikasikan oleh guru dalam usaha mewujudkan keperibadian murid yang kreatif. Di samping itu, Jones dan Arage (2002) mendapati konstruktivisme juga membantu guru-guru untuk berdaya kreatif dengan menyediakan pembelajaran yang aktif, membentuk perkembangan minda yang positif terhadap murid dan berfikir secara kompleks agar dapat mengolah cara pengajaran yang lebih mudah dan jelas.

Pembelajaran Konstruktivisme dalam Pendidikan Islam.

Pembelajaran pendidikan Islam juga memerlukan kefahaman sesuatu konsep secara menyeluruh. Untuk mencapai matlamat ini, guru perlu berfikiran kreatif dan bijak menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme dengan lebih inovatif sesuai dengan murid yang mempunyai pelbagai kecenderungan minat dan kebolehan sendiri. Menurut (Habib & Megat, 2001) dengan pendekatan idea yang kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran selari dengan transformasi dunia yang pesat membangun dari sudut teknologi, seharusnya guru dapat mengaplikasikan segala pengetahuan tentang teknik PdPc dalam pendidikan di Malaysia. Justeru itu, sokongan padu di antara guru dalam menggunakan kaedah konstruktivisme amat penting agar dapat memberikan pengetahuan dalam pendidikan di sekolah ke arah perspektif yang positif. Segala cabaran yang dihadapi oleh guru semasa sesi PdPc di dalam kelas juga dapat dikurangkan disebabkan kecenderungan murid dalam pembelajaran yang tinggi dan komited.

Cabaran Kaedah Pengajaran Konstruktivisme

Terdapat beberapa cabaran yang menjadi kekangan dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme ini dalam kalangan guru dan murid. Menurut Norazilawati et al. (2013), di antara cabaran yang dihadapi oleh guru-guru untuk melaksanakan kaedah konstruktivisme, adalah kekurangan masa di dalam kelas, terikat dengan sukatan pelajaran, murid yang lemah dan beban kerja guru.

Norazilawati et al. berpendapat bahawa setiap guru harus didedahkan melalui kursus kemahiran PdP dengan kaedah konstruktivisme, di mana kursus tersebut perlu dimasukkan dalam perkhidmatan berterusan program khas yang dijalankan sesuai untuk guru pendidikan Islam. Dengan pendekatan ini, dapat membantu guru memahirkan pengetahuan dan kefahaman tentang kaedah konstruktivisme supaya dapat dilaksanakan dengan mudah dalam pengajaran mereka. Selain itu, dengan memperluaskan aktiviti konstruktivisme terbaik untuk murid di dalam kelas, perkembangan kognitif mereka dapat dipertingkatkan. Ini untuk memastikan bahawa guru pendidikan Islam tidak bersendirian dalam cabaran untuk melaksanakan pendekatan konstruktivisme ini.

Implikasi Pembelajaran Konstruktivisme.

Implikasi kaedah ini memberikan strategi kepada setiap guru sebagai fasilitator atau pemudah cara di dalam kelas, kerana guru hanya perlu membimbing di peringkat awal dan murid akan menguasai pembelajaran mereka sendiri dalam persekitaran kumpulan pada peringkat seterusnya. Atifah, Ruzana, (2017) ianya akan mencabar kemahiran murid kerana mereka perlu terlibat secara aktif dalam membina pengetahuan melalui pengalaman yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, guru perlu mendorong dan membimbing murid dalam pembelajaran berasaskan projek, kajian secara berkumpulan supaya dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengendalikan pembelajaran sendiri secara kreatif (Afifah, Ruzana, 2017). Kaedah pengajaran konstruktivisme ini akan menarik minat pelajar kerana ia melibatkan komunikasi dan interaksi antara rakan sebaya mereka. Aktiviti seperti ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran komunikasi, hubungan baik dengan rakan sebaya dan berkongsi idea.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, berdasarkan tinjauan yang telah dibuat, pengkaji akan menggunakan kaedah atau metodologi dalam kajian ini merujuk kepada struktur logik, agar ianya menjawab segala persoalan kajian. Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang bertujuan menerangkan atau meramalkan fenomena yang sedang berlaku. Kaedah kuantitatif pula akan digunakan bagi proses pengukuran untuk mendapatkan hubungan dasar antara pemerhatian empirikal dan ekspresi statistik yang tepat. Pendekatan kaedah kuantitatif ini akan menggunakan soal selidik melalui borang dalam talian dan, diaplikasikan dalam kajian ini untuk memudahkan responden memberikan tindak balas yang positif terhadap kajian ini.

Populasi kajian terdiri daripada kumpulan besar dan jumlah yang lebih besar, sementara sampel terdiri daripada sebilangan besar individu yang dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik yang akan dijalankan untuk kajian ini bagi menghimpunkan maklumat yang relevan. Populasi kajian ini melibatkan 70 orang murid dari kelas tahun 5 Orkid, 5 Seroja dan 5 Melur di Sekolah Kebangsaan Tan Sri Datuk Haji Mohamed, Kuching Sarawak. Pensampelan rawak mudah (PRM) adalah proses pemilihan sampel di mana semua individu dalam populasi tertentu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Sasaran kajian ini dipilih kerana mereka adalah individu yang terlibat dalam kelas yang menggunakan kaedah konstruktivisme. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik yang dibuat terhadap responden, ianya bersesuaian dengan pengumpulan data bagi kaedah kuantitatif. Kaedah Soal

Selidik dalam kajian ini digunakan untuk mendapatkan data mengenai maklumat responden, minat murid, pelaksanaan kaedah konstruktivisme dan perbezaan kelas dan jantina murid. Kaedah deskriptif dipilih untuk mengumpulkan maklumat mengenai demografi responden, untuk mengenal pasti minat murid dan pelaksanaan kaedah konstruktivisme untuk mata pelajaran Pendidikan Islam.

DAPATAN KAJIAN

Taburan demografi responden adalah penting dalam kajian ini kerana dapat menjadi salah satu faktor yang dapat mempengaruhi hasil kajian yang dibuat tentang aplikasi kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Taburan deskriptif profil demografi responden ini akan menerangkan profil sampel kajian.

Jadual 2: Analisis Demografi Responden

Demografi	Huraian	Kekerapan n (70)	Peratus (%)
<u>Jantina</u>	Lelaki	33	47.1
	Perempuan	37	52.9
<u>Kelas</u>	Orkid	24	34.3
	Melur	23	32.9
	Seroja	23	32.9
<u>Tempat Tinggal</u>	Bandar	30	42.9
	Luar Bandar	40	57.1

Berdasarkan dapatan kaji selidik, mengikut jantina, murid lelaki adalah seramai 33 orang iaitu (47.1%) dan 37 orang dari murid perempuan sebanyak (52.9%). Ini menunjukkan bahawa mengikut responden jantina murid perempuan melebihi murid lelaki. Manakala hasil dapatan kajian bagi kategori kelas pula, menunjukkan bahawa responden daripada kelas Orkid dengan jumlah yang paling tinggi iaitu 24 orang sebanyak 34.3% peratus. Bagi kelas Melur dan Seroja mempunyai jumlah responden yang sama, seramai 23 orang dengan peratus 32.9%. Pemilihan responden dalam kalangan murid dari ketiga-tiga kelas tersebut amat penting bagi memperoleh data yang tepat dan betul. Hasil dapatan kajian responden mengikut tempat tinggal pula, mempunyai perbezaan sebanyak 10% sahaja. Responden mengikut tempat tinggal di bandar adalah sebanyak 30 orang dengan 42.9%, manakala bagi luar bandar dengan jumlah 40 orang iaitu 57.1%. Ini menunjukkan ramai murid berlatar belakangkan tempat tinggal dari luar bandar di mana, tidak terdapat perbezaan yang jelas masalah untuk mencapai infrastruktur asas seperti komputer serta kemudahan internet dan digital.

Analisis Bahagian B dan C

Dapatan kajian dianalisis mengikut julat purata min yang telah diklasifikasikan mengikut Jadual 3.

Jadual 3: Tafsiran Julat Purata Min

SKOR	KATEGORI	JULAT PURATA MIN	KEBERKESANAN
1	Sangat tidak setuju	1.00 – 1.80	Tidak berkesan
2	Tidak setuju	1.81 – 2.60	Tidak berkesan
3	Sederhana setuju	2.61 – 3.40	Tidak berkesan
4	Setuju	3.41 – 4.20	Berkesan
5	Sangat setuju	4.21 – 5.00	Berkesan

Responden pula perlu menyatakan pandangan masing-masing berdasarkan dari nilai skala yang ditetapkan bagi mewakili kategori ‘**Sangat setuju**’ kepada ‘**Sangat tidak setuju**’. Pemilihan jawapan ini akan dinilai dan di analisis keberkesanan melalui julat purata min. Hasil analisis data akan ditunjukkan dalam bentuk jadual supaya lebih mudah difahami.

Jadual 4: Pembahagian Tahap Setiap Bahagian

Bil	Bahagian	Min	Tahap
1	Bah B : Minat Murid Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam	3.49	Berkesan
2	Bah C : Pelaksanaan Kaedah Konstruktivisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran	4.37	Berkesan

Secara keseluruhan menunjukkan bagi bahagian B bahawa responden berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam serta cara pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan julat purata min 3.49. Hasil dapatan ini membuktikan bahawa murid meminati mata pelajaran Pendidikan Islam semasa sesi PdP dijalankan. Walau bagaimanapun, dengan teknik pengajaran yang kreatif dan inovatif oleh setiap guru akan mendorong murid lebih bersemangat serta berfikiran terbuka untuk mendalami setiap tajuk bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, kecenderungan minat murid yang mendalam terhadap sesuatu perkara amat penting dan perlu dititik beratkan supaya mereka dapat dinilai dari segi prestasi di dalam peperiksaan mahupun sahsiah diri.

Dalam Bahagian C, julat purata min keseluruhan bagi pelaksanaan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sangat penting untuk peningkatan pembelajaran murid adalah berkesan pada tahap bacaan 4.37. Melalui hasil analisis berikut, pelaksanaan kaedah konstruktivisme semasa PdP sememangnya dapat menggalakkan murid sentiasa aktif dan mempunyai idea yang bernas dalam memberi pandangan dan pendapat. Jelas membuktikan pelaksanaan kaedah konstruktivisme dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah perlu dikekalkan agar minat murid cenderung untuk

mendapatkan ilmu yang bermanfaat dan melihat kejayaan yang cemerlang dalam prestasi pembelajaran dan juga akhlak yang baik.

Manakala untuk menentukan sama ada hipotesis kajian diterima atau sebaliknya, analisis menggunakan kaedah ANOVA sehala. ANOVA sehala ialah ujian yang digunakan untuk membandingkan perbezaan antara lebih daripada dua kumpulan dan ia mempunyai pemboleh ubah bebas tunggal. Dalam keputusan ini aras kesignifikan yang ditetapkan ialah 0.05. Sekiranya nilainya sama atau kurang dari 0.05 (≤ 0.05), ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan responden yang terlibat.

Hipotesis Ho¹:

Tidak terdapat perbezaan kelas dan jantina murid dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Jadual 5: Ujian ANOVA perbezaan kelas dan jantina murid dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme bagi mata pelajaran Pendidikan Islam

Punca Varian	Jumlah Kuasa	Dk	Min	Nilai F	Sig.
Dua					
Antara kumpulan	1286.171	4	321.54	4.18	0.003
Dalam Kumpulan	10384	135	76.918		
Jumlah	11670.17	139			

PERBINCANGAN

Kajian ini adalah untuk menyelesaikan objektif utama dalam kajian ini. Penemuan ini dianalisis dari maklumat maklum balas responden melalui instrumen yang dijalankan. Terdapat beberapa batasan kajian menerusi kajian ini untuk kajian masa hadapan. Seterusnya pada kesimpulan kajian, akan merumuskan tentang dapatan utama kajian serta implikasi kajian.

Ringkasan Profil Demografi

Menurut taburan demografi, dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah murid perempuan lebih tinggi daripada murid lelaki. Hasil kajian menunjukkan bahawa jantina dilihat sebagai salah satu faktor sosial yang mempengaruhi pencapaian akademik murid, iaitu mempunyai tahap penerimaan dan penguasaan terhadap sesuatu mata pelajaran. Berdasarkan teori dalam pendidikan, perbezaan yang ada pada murid itulah sebenarnya yang menjadi kekuatan kepada sesuatu pengajaran yang berkesan. Dengan wujudnya perbezaan jantina, kelas dan juga tempat tinggal dalam kalangan murid ini sebenarnya membolehkan pengajaran berlaku dalam suasana lebih harmoni melalui aktiviti perbincangan, perkongsian, penerokaan dan seterusnya membina pengetahuan dan kemahiran dalam pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, hasil ujian menunjukkan bahawa data dikumpulkan dalam penyelidikan ini boleh dipercayai.

Objektif kajian 1: Mengenal pasti minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan pendekatan kaedah konstruktivisme di peringkat sekolah rendah

Seiring dengan zaman yang mempunyai teknologi pesat dan maju, sewajarnya kaedah pengajaran dan pembelajaran PdP di dalam kelas juga haruslah diubah suai dengan keadaan semasa. Ianya merupakan faktor penting dalam memastikan murid dapat menerima setiap perkara yang akan diajarkan kepada mereka. Peranan guru juga amat penting agar dapat mengenali gaya pembelajaran murid di dalam kelasnya, serta dapat menyesuaikan dengan beberapa teknik pengajaran yang hendak digunakan. Hal ini kerana, jika terdapat murid yang lemah seperti daya tumpuan yang kurang akan mendorong murid tersebut menjadi bosan dengan apa yang dipelajari. Dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme, bahan yang digunakan untuk PdP mestilah kreatif seperti menggunakan warna yang cerah dan pelbagai.

Hasil keputusan analisa dari borang kaji selidik, berdasarkan julat purata min keseluruhannya mempunyai purata yang tinggi bagi mengenal pasti minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Pengaruh minat murid terhadap pelajaran tertentu juga memainkan peranan penting bagi mempengaruhi tahap pencapaian murid. Menurut Nursuhaili (2010), selain daripada kebolehan sosial dan minat, rakan sebaya juga mempengaruhi sikap dan tingkah laku individu. Jika murid berkawan dengan pelajar-pelajar yang berminat dalam mata pelajaran Matematik misalnya, maka kecenderungan untuk berminat dalam mata pelajaran Matematik adalah lebih besar. Persamaan dari segi minat dan kecenderungan akan membuat ia lebih mudah bagi mereka untuk berkongsi pengalaman dan idea. Kesan interaksi itu akan mewujudkan rasa keselesaan di kalangan pelajar semasa berinteraksi dan potensi pembelajaran rakan sebaya (*peer learning*) sebagai satu kaedah meningkatkan minat dan prestasi murid berprestasi rendah.

Objektif kajian 2: Mengenal pasti pelaksanaan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah

Berdasarkan hasil analisa, pelaksanaan kaedah konstruktivisme ini juga melibatkan murid yang didedahkan dengan pengalaman sebenar, maka mereka akan lebih memahami daripada murid yang hanya belajar secara teori. Kaedah ini lebih berkesan terutama bagi generasi sekarang yang hanya mengetahui sesuatu di hujung jari mereka. Contohnya, untuk mengetahui tentang cara-cara bertayamum, jika guru membawa alat tayammum dan membuat simulasi bersama-sama murid, ia pasti akan lebih difahami dan diingati daripada jika guru hanya menyampaikannya secara lisan. Akan lebih menarik sekiranya guru mengadakan lakonan semula tentang kisah para sahabat sambil diterangkan sejarah dahulu akan memberikan pengalaman yang bermakna buat murid-murid.

Selain itu terdapat dua jenis ganjaran yang diberikan kepada murid semasa di dalam kelas perlu diberi penekanan. Contohnya seperti peneguhan negatif iaitu memberikan hukuman seperti denda berdiri, buat kerja di luar kelas dan sebagainya. Tujuan jenis ganjaran bersifat negatif ini adalah agar murid tidak mengulangi kesalahan yang sama berulang kali. Namun peneguhan positif lebih sesuai digunakan untuk murid terutamanya bagi murid yang lemah seperti puji-pujian dan kata-kata semangat. Jika pembelajaran disertai dengan ganjaran yang mampu menarik minat murid ia pasti akan lebih berkesan. Walau bagaimanapun kedua-dua jenis ganjaran ini penting mengikut kesesuaian suasana dan keadaan. Oleh itu, dalam mengajar guru seharusnya mengamalkan sikap yang tegas tapi bukan sifat yang garang. Sifat yang tegas ini akan membuatkan murid dapat

membezakan antara yang mana betul dan salah. Manakala sifat yang garang akan menyebabkan murid-murid takut dan semakin tidak ingin belajar.

Objektif 3: Mengenal pasti perbezaan kelas dan jantina murid dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah

Selanjutnya, murid dinilai dengan hipotesis tentang perbezaan kelas dan jantina murid dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme. Perbezaan kelas dalam pelaksanaan kaedah konstruktivisme dengan sesi pengajaran dan pembelajaran mudah dilaksanakan kerana aras setiap individu murid berbeza. Dengan aktiviti yang pelbagai dan inovatif, memudahkan guru untuk mengendalikan sesi PdP di dalam kelas disebabkan budaya pembelajaran murid hampir sama dan aktiviti berkumpulan serta latihan yang sama diberikan kepada murid. Murid juga akan sentiasa berlumba-lumba untuk bersaing sesama mereka dan membuatkan murid lebih rajin ke sekolah dan mempunyai minat yang mendalam untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran.

Dalam era globalisasi dan modenisasi masa kini, perubahan struktur pendidikan adalah penting agar generasi muda dapat bersaing secara sihat. Penglibatan aktif daripada setiap murid diperlukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran supaya ia dapat memberi kesan yang positif dalam mengubah dan membentuk disiplin murid di dalam kelas dan sekolah. Kaedah ini juga dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras murid supaya dapat mengolah ayat di dalam peperiksaan atau ujian yang bakal dilalui. Natijahnya, guru juga perlu bijak merencanakan sesuatu pembelajaran yang interaktif dan berkesan kepada murid tanpa membezakan kelas dan jantina.

Implikasi Kajian

Kajian ini amat penting bagi pihak pengurusan guru bagi mengenal pasti tahap motivasi guru dalam melaksanakan tugas hakiki sebagai guru serta pendekatan kaedah konstruktivisme terhadap murid dalam PdP. Dengan itu, pihak pengurusan dapat meneliti aspek-aspek yang boleh diperbaiki bagi meningkatkan tahap motivasi guru serta menganalisis cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan kaedah konstruktivisme di dalam kelas. Selain itu, langkah yang proaktif juga perlu diambil bagi menggalakkan guru Pendidikan Islam khususnya untuk lebih interaktif dalam sesi PdP di peringkat sekolah rendah. Implikasi kajian ini kepada polisi dan dasar pendidikan dapat dilihat menerusi kualiti perkhidmatan, kecekapan guru dalam melaksanakan tugas yang diberikan serta melihat kepada prestasi dan sahsiah murid di sekolah. Kualiti perkhidmatan dapat dilihat menerusi produktiviti kerjaya dalam meneliti keperluan guru dari segi tahap pengetahuan, kreativiti, kemahiran serta sikap yang optimis terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Limitasi Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa batasan atau limitasi sepanjang kajian ini dijalankan. Di antaranya, terdapat sebilangan kekangan masa diperuntukkan untuk mendapatkan maklum balas responden mengenai soal selidik. Memandangkan pada ketika ini isu (COVID-19) sedang melanda dunia dan ia juga memberikan kesan kepada negara kita Malaysia, atas arahan pihak kerajaan Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) 2020 merujuk kepada tindakan pencegahan

oleh kerajaan Malaysia terhadap kes pandemik koronavirus (COVID-19) pada 16 Mac 2020, oleh itu "kawalan gerakan" dilaksanakan di seluruh negara. Oleh yang demikian, borang soal selidik tidak dapat diedarkan di dalam kelas tetapi menggunakan format 'Google Form' dan kaedah penghantaran akan dibuat menggunakan applikasi mudah alih seperti *WhatsApp*, *Telegram*, dan email kepada responden.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bagi merealisasikan Enam Aspirasi Murid yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian serta Identiti Nasional, tanggungjawab guru adalah penting. Peranan guru perlu menterjemahkan bentuk sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi aktiviti yang berkualiti dan praktikal yang dapat menarik minat dan penglibatan yang tinggi di kalangan murid menerusi pelbagai kaedah dan teknik pengajaran.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Othman & Bahtiar Omar. 2005. Aplikasi Pembelajaran Secara Konstruktivisme dalam Pengajaran Karangan Berpandu, *Makalah Pendidikan*, 4: 6- 8.
- Dagar, V. & Yadav, A. 2016. Constructivism: A Paradigm for Teaching and Learning. *Arts Social Sciences Journal*. 7(4).
- Hannafin, M. J, Hill, J. R, Land, S. M, & Lee, E. 2014. Student-centered, Open Learning Environments: Research, Theory and Practice. In Spector, M., Merrill, M. D., Van Merriënboer, J., & Driscoll, M. P. (Eds.), *Handbook of Research on Educational Communications and Technology*. Springer.
- Jones, M. G. & Araje, L. B. 2002. The Impact of Constructivism on Education Language, Discourse, and Meaning. *American Communication Journal*. 5: 14-26.
- Jamaludin Zainal & Adam Jait. 2016. Amalan Guru Pendidikan Islam Dalam Proses Pengajaran Di Peringkat Sekolah-Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam. *Proceeding of The International Conference on education towards global peace*, hlm. 1-15.
- Juhana. 2012. *Psychological Factors That Hinder Students from Speaking in English Class (A Case Study in a Senior High School in South Tangerang, Banten, Indonesia)*. *Journal of Education and Practice*. Vol 3, No 12.
- Mc Brien, J.L. & Brandt, R.S. 1997. *The language of learning: A Guide to Education Terms*. Alexandria VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Nik Rosila Nik Yaacob. 2007. Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal pendidikan dan pendidikan*, 22: 161-172.
- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid & Rohaila Yusof. 2019. Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 4(28) : 28-51.
- Norazilawati Abdullah, Abdullah Talib Hashim, Rosnidar Mansor, Noraini Mohamed Noh & Norul Haida Reduzan. 2013. Konstruktivisme: Dari Kaca Mata Guru Sains Dan Matematik *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA*. 1-12.
- Nor Azizah Ahmad. 2006. Pengaplikasian teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Reka Cipta. *Thesis Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta pendidikan Kemahiran Hidup*, University Teknologi Malaysia.

- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abd Razak. 2017. Elemen Pemikiran Kritis Dalam Konteks Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam And Civilization*. 1(2):92-10.
- Zainal Abidin Zainudin & Afrinaleni Suardi. 2009. Keberkesanan Kaedah Konstruktivisme Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. *Jurnal Pendidikan University Teknologi Malaysia*. 1-7.
- Zaiton Mustafa & Hishamuddin Salim. 2012. *Factors Affecting Students Interest in Learning Islamic Education*. *Journal of Education and Practice*, Vol 3: No 13.